


Ustaz Pasuni antara penerima anugerah tertinggi Hari Kebangsaan



Ustaz Pasuni Maulan menerima Pingat Jasa Gemilang, pengiktirafan ketiga tertinggi dalam Anugerah Hari Kebangsaan 2025, atas sumbangan besar beliau dalam Majlis Tertinggi Majlis Ugama Islam Singapura (Muis). – Foto BH oleh NUR DIYANA TAJA

► **BATRISYIA BAHARIM**
batrisyia@spht.com.sg

Sumbangan Ustaz Pasuni Maulan selaku anggota Majlis Tertinggi Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) telah mendapat penghormatan dalam Anugerah Hari Kebangsaan 2025.

Beliau menerima Pingat Jasa Gemilang, iaitu pengiktirafan ketiga tertinggi dalam anugerah tersebut, menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri (PMO) pada 9 Ogos.

11 penerima lain yang turut menerima penghormatan itu termasuk ssiatis sosial, Dr Noeleen Heyzer, dan ketua eksekutif pusat pakar keganasan keluarga, Pave, Dr Sudha Nair.

Ustaz Pasuni, 80 tahun, sudah berkhidmat sebagai anggota Majlis Tertinggi Muis selama tujuh penggal.

Pada 7 Ogos, beliau yang juga Mantan Pendaftaran di Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang Islam (ROMM), diumumkan akan terus berkhidmat bagi penggal kelapannya dalam majlis tersebut.

Ustaz Pasuni merupakan antara 7,210 individu yang diberi penghargaan dalam Anugerah Hari Kebangsaan 2025 atas sumbangan kepada negara atau pencapaian cemerlang mereka.

Mengulas tentang penerimaan anugerah itu semasa dihubungi, beliau berkata:

“Penglibatan saya dalam kegiatan pendidikan Islam seperti madrasah, masjid dan pembangunan keluarga merupakan satu kewajipan.

“Penghargaan yang diberikan diharap dapat mendorong, terutama asatizah muda, untuk turut melaksanakan amanah yang lebih luas, bukan hanya mengajar dan berceramah.

“Ibarat dalam permainan dam, mereka tidak harus sekadar menjadi buah dam, tetapi memainkan.”

“Asatizah muda perlu melihat bidang dakwah dalam bentuk yang luas kerana mereka pewaris para Rasul.”

Tambahnya, semua usaha yang dilaksanakan di-anggotakan usaha kolektif, bukan penbadi.

Antara inisiatif paling menyerlah ialah kejayaan membawa Madrasah Aljunied Al-Islamiah ke dalam Sistem Madrasah Bersama (JMS).

Turut menerima pengiktirafan ialah Ketua Eksekutif Muis, Encik Kadir Maideen Mohamed.

Encik Kadir, 58 tahun, menerima Pingat Pentadbiran Awam (Perak), setelah memegang jawatan tersebut sejak 2021 ketika negara berdepan cabaran pandemik Covid-19.

Sementara itu, jasa bakti serta sumbangan Al-lahyarham Ustaz Tengku Mohamad Fouzy Jumat sebagai mantan anggota Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) turut dikenang.

Beliau diberi penghormatan dengan Pingat



Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Encik Kadir Maideen Mohamed, menerima Pingat Pentadbiran Awam (Perak) atas kepimpinannya sejak 2021, termasuk ketika negara berdepan cabaran pandemik Covid-19. – Foto BH oleh KHALID BABA



Allahyarham Ustaz Tengku Mohamad Fouzy Jumat diberi penghormatan dengan Pingat Bakti Masyarakat (Anumerta) sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangannya sebagai mantan anggota Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG). – Foto fail

Bakti Masyarakat (Anumerta).

Pengiktirafan tertinggi 2025, Darjah Utama Nila Utama, telah diberikan kepada Mantan Pengerusi Kumpulan Lapangan Terbang Changi, Encik Tan Gee Paw.

Senarai penuh penerima Anugerah Hari Kebangsaan 2025 boleh didapati di laman web PMO di <https://www.pmo.gov.sg/national-day-awards>.

“

Penglibatan saya dalam kegiatan pendidikan Islam seperti madrasah, masjid dan pembangunan keluarga merupakan satu kewajipan.

Penghargaan yang diberikan diharap dapat mendorong, terutama asatizah muda, untuk turut melaksanakan amanah yang lebih luas, bukan hanya mengajar dan berceramah.

... Asatizah muda perlu melihat bidang dakwah dalam bentuk yang luas kerana mereka pewaris para Rasul.

– Ustaz Pasuni Maulan, penerima Pingat Jasa Gemilang Anugerah Hari Kebangsaan 2025.